



NASIONAL

KES

POLITIK

PENDIDIKAN

WILAYAH

PIKAS dilancarkan pada Fasa 4 PICK 16 Jun ini

Jun 12, 2021 @ 11:53pm

PIKAS MUDAHKAN VAKSINASI COVID BAGI SEKTOR PEMBUATAN

- Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS)
 - Bermula 16 Jun 2021
 - Sebagai Fasa ke-4 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK)
- Menyasarkan pekerja sektor pembuatan di bawah tanggungjawab MITI
- Membantu kerajaan menyegerakan imunisasi bagi rakyat
- Dipersetujui oleh JKJAV & dipengerusi bersama oleh MOSTI & KKM
- PIKAS dengan vaksinasi akan dijalankan di premis kilang & lokasi perindustrian yang dikenal pasti
- Lebih 500 syarikat memohon & melibatkan 106,591 pekerja
- Syarikat lain yang berminat boleh memohon melalui persatuan industri & dewan perniagaan sektor masing-

KEUTAMAAN BAGI SUBSEKTOR KRITIKAL

- Elektrik & elektronik
- Pemprosesan makanan
- Besi & keluli
- Alat perubatan
- Alat pelindung diri (PPE)
- Minyak & gas
- Produk getah termasuk pembuatan sarung tangan perubatan

Syarikat-syarikat dalam subsektor berkenaan penting untuk menyokong:

- Rantaian bekalan produk & perkhidmatan
- Pembinaan, penyelenggaraan & kelancaran infrastruktur kritikal, termasuk utiliti & sistem penjagaan kesihatan awam

PERINGATAN KEPADA MAJIKAN

- Pertimbangan untuk PIKAS termasuk lokasi syarikat berada dalam zon merah
- Pekerja perlu berdaftar dengan MySejahtera untuk program PICK
- Sekiranya tidak lagi berkhidmat di syarikat sama sebelum mendapat imunisasi penuh, majikan tidak dibenarkan memotong gaji pekerja tersebut
- menanggung yuran:
 - Pentadbiran pengamal am perub
 - Penggunaan pusat pentadbiran v
 - dikendalikan pihak swasta

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 18m [Jatuh tergolek raikan gol](#)
- 25m [FAMA Sabah agih bahan makanan di kawasan PKPD](#)
- 43m [Pemain England jalani pemeriksaan jantung](#)
- 53m [Ardern kritik filem dirinya tangani serangan kejam 2019](#)
- 1h [Penerbit masih berdepan isu bayaran rendah, lambat](#)
- 1h [Anggota NATO perlu dasar lebih kuat terhadap China](#)
- 1h [Brazil mula langkah kanan](#)
- h [Air mata Gregoritsch](#)

KUALA LUMPUR: Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) bagi sektor pembuatan akan dilancarkan pada Fasa 4 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bermula 16 Jun ini.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) berkata, program vaksinasi PIKAS akan dijalankan di premis kilang dan lokasi perindustrian yang dikenal pasti.

Katanya, pelaksanaan PIKAS mendapat persetujuan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) yang dipengerusikan bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Kementerian Kesihatan (KKM).

Syarikat dalam subsektor pembuatan kritikal termasuk elektrik dan elektronik, pemprosesan makanan, besi dan keluli, alat perubatan, alat pelindung diri (PPE), minyak dan gas serta produk getah termasuk pembuatan sarung tangan perubatan akan diberikan keutamaan untuk vaksinasi.

PIKAS

- P Pinang peruntuk RM3 juta untuk saringan besar-besaran
- Tidak wajar paksa majikan tanggung kos vaksin COVID-19
- 3 PPV tambahan di Pulau Pinang
- Suntikan vaksin COVID-19 di klinik swasta percuma

"Sektor ini penting bagi menyokong rantai bekalan produk dan perkhidmatan penting serta pembinaan, penyelenggaraan dan kelancaran infrastruktur kritikal termasuk utiliti dan sistem penjagaan kesihatan awam," katanya dalam kenyataan, hari ini.

MITI berkata, ini akan dapat mempertingkatkan tahap pencapaian imuniti kelompok dalam komuniti.

"Beberapa kementerian lain juga akan bertanggungjawab untuk vaksinasi pekerja bagi sektor masing-masing. Penyertaan syarikat dan pekerja dalam PIKAS dibuat secara sukarela.

"PIKAS diperkenalkan berikutan cadangan persatuan industri, dewan perniagaan serta perusahaan kecil dan sederhana untuk membantu kerajaan menyegerakan imunisasi bagi rakyat," katanya.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, kerajaan komited memastikan pekerja mendapat vaksin percuma di bawah PIKAS, disokong sektor swasta dalam mentadbir pengurusan vaksinasi yang dilaksanakan di seluruh negara termasuk vaksinasi di premis kilang membabitkan pengamal perubatan swasta.




Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali

Beliau berkata, susulan beberapa siri sesi libat urus dijalankan sebelum

VAKSIN



ASIA 3 jam yang lepas
Arab Saudi wajibkan vaksin pengunjung pusat beli-belah



NASIONAL Jun 13, 2021 @ 6:35pm
Vaksin sedia ada berkesan lindungi daripada VOC



NASIONAL Jun 13, 2021 @ 2:03pm
Rakyat Malaysia kembali hidup normal selepas kejayaan vaksinasi Hungary.



NASIONAL Jun 13, 2021 @ 1:10pm
Pusat Pemberian Vaksin COVID-19 UNIMAS beroperasi esok



NASIONAL Jun 12, 2021 @ 6:58pm
Bebas PKP dengan giatkan vaksinasi - Pakar



NASIONAL Jun 12, 2021 @ 5:11pm
3,000 pekerja pasar borong diberi vaksin minggu depan


TRENDING



ASIA 4 jam yang lepas
Arab Saudi benarkan wanita tanpa mahram tunai haji



NASIONAL 12 jam yang lepas
Polis tahan lori bawa pekerja kilang positif COVID-19



NASIONAL Jun 13, 2021 @ 7:20pm
15 jemaah masjid di Jitra meninggal dalam 2 minggu



BOLA Jun 13, 2021 @ 2:32pm
'Penalti itu betul, tiada masalah'



AMERIKA Jun 12, 2021 @ 1:45pm
Nelayan dakwa nyaris ditelan ikan paus

MYRESIPI



TIPS & PETUA
Jun 11, 2021 @ 9:55pm
Tips Mudah Kopek Kerang, Supaya Isi Tidak Hancur & Kekal Cantik



RESEPI Jun 11, 2021 @ 9:54pm
Resepi Kuey Teow Goreng Sup Siam, Terlajak Sedap!

...dan kemudi, dengan beberapa em...
ini, MITI akan menjalankan sesi libat urus tambahan dengan persatuan industri dan dewan perniagaan berkaitan bagi mengkoordinasikan program ini bersama MITI.

Setakat ini, MITI menerima permohonan lebih 500 syarikat dengan jumlah pekerja seramai 106,591 untuk menyertai PIKAS.
Syarikat pembuatan lain yang berminat mengambil bahagian disaran mengemukakan permohonan mereka melalui persatuan industri dan dewan perniagaan sektor masing-masing.

"Keutamaan vaksinasi syarikat akan ditetapkan mengikut beberapa pertimbangan termasuk lokasi syarikat di zon merah COVID-19.
"Syarikat perlu mengikut terma dan syarat, antaranya memerlukan pekerja berdaftar dengan MySejahtera untuk program PICK," katanya.

Majikan tidak dibenarkan memotong gaji pekerja untuk menanggung yuran pentadbiran kepada pengamal am perubatan swasta dan bagi penggunaan pusat pentadbiran vaksin dikendalikan pihak swasta, termasuk apabila pekerja tidak lagi bekerja di syarikat sama sebelum imunisasi penuh pekerja berkenaan.
Beliau berkata, kerajaan tidak akan berkompromi dalam keutamaan vaksinasi bagi golongan paling memerlukan melalui PICK, namun pelaksanaan PIKAS penting bagi melindungi pekerja daripada risiko jangkitan COVID-19. - BERNAMA



TIPS & PETUA
Jun 10, 2021 @ 4:23pm
Tips Bagi Mengekalkan Kelembutan Daging, Confirm Tak Liat!

RESEPI Jun 10, 2021 @ 4:19pm



Lembut & Berlemak, Ini Cara Buat Agar-Agar Susu Kotak Viral, Senang Je!



TIPS & PETUA Jun 9, 2021 @ 2:55pm
Petua Orang Dulu, Ini Cara Goreng Telur Supaya Tidak Meletup & ‘Bebas’ Percikan Minyak

BERITA BERKAITAN



NASIONAL Jun 9, 2021 @ 3:03pm
COVID-19: Fasa 4 PICK di sektor ekonomi kritikal



NASIONAL Apr 13, 2021 @ 8:22pm
Pekerja kilang di Selangor, Pulau Pinang diutamakan vaksin COVID-19



NASIONAL Jun 11, 2021 @ 12:01pm
NUBE gesa segera vaksin pekerja perbankan



NASIONAL Apr 15, 2021 @ 3:03pm
Pemulihan ekonomi berkait dengan kejayaan program imunisasi

Disyorkan untuk anda

Recommended by





As Japan's empty homes multiply, its laws are slow...

Nikkei Asia



Why does Thailand have the highest suicide...

CNA Insider

Read more




This is a big loss for Sylvester Stallone.

Mansion Global



The push-up bra that has taken the world by a storm.

AirBra Pro™



Hair Transplant Cost In Petaling Jaya Might...

Hair Transplant | Searc...



Petaling Jaya: Liquidation Of Unsold 2020...

SUV Deals | Search Ads



Malaysian king confers with Mahathir and...

Nikkei Asia



How to Reduce Your Electric Bill by Up to 90%

Electricity Saver



IKUTI KAMI DI:



BERITA

BHPLUS

Nasional

Kes

Politik

Pendidikan

Wilayah

SUKAN

DUNIA

HIBURAN

BISNES

RENCANA

WANITA

HUJUNG MINGGU

MULTIMEDIA

Foto

BHTV

Infografik

LANGGAN

Akhbar Digital

Akhbar BH

PERKHIDMATAN

Iklan Web

1Klassifieds

NSTP KLiK